


Dengar jeritan jiran awal pagi

MOHAMAD HAFIZI MOHD SAID

TELUK INTAN - Jeritan jiran pada jam 5 pagi mengejutkan mangsa banjir di Kampung Selat Manggis, ketika air mula naik secara tiba-tiba semalam.

Kejadian itu menyebabkan 22 keluarga daripada 18 rumah di kampung berkenaan terjaga dan memindahkan barang serta ahli keluarga ke tempat selamat.

Seorang mangsa, Sarimah Ibrahim, 50, berkata, air mula memasuki kampung berkenaan lewat petang kelmarin selepas dimaklumkan terdapat ban di Sungai



● 22 keluarga terlibat

Bidor belakang kampung berkenaan pecah.

"Masa itu paras air rendah sahaja, jadi tidak apa yang kami risaukan kerana banjir teruk pernah berlaku lima tahun lalu yang menyebabkan kami kerugian teruk.

"Tetapi ternyata jangkaan saya meleset kerana tanpa diduga air naik secara mendadak pada jam 5 pagi dan dari apa yang saya dengar terdapat tiga ban pecah di kam-

pung ini," katanya ketika ditemui di rumahnya sebelum dipindahkan ke pusat pemindahan banjir Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Kerawai, semalam.

Menurutnya, ketika kejadian dia dan keluarga terpaksa memindahkan barang ke tempat lebih tinggi dengan meranduk air yang naik dalam sekelip mata.

"Kami juga diarahkan berpindah segera memandangkan air dijangka naik lagi petang ini (semalam) ekoran air pasang besar di Sungai Bidor serta cuaca yang sudah menunjukkan tanda-tanda akan berlaku hujan," katanya.



Sarimah menjemur kusyen yang basah selepas air memasuki rumahnya, semalam.